Headline	Jelajah dunia mengejar ilmu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 May 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	395 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 898
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,694



Jelajah dunia mengejar ilmu

SEORANG pelajar Malaysia kini sedang mencipta nama dengan menyertai arus peningkatan ramai pelajar yang berusaha mencari ilmu pengetahuan dengan mengikuti pengajian di beberapa tempat di pelosok dunia.

Michael Chin, yang berasal dari Cheras, Selangor, adalah salah seorang daripada kira-kira tiga juta pelajar lepasan siswazah yang sedang melanjutkan pengajian di seberang laut, dan jumlah ini dijangka bertambah sekali ganda menjelang 2025.

Setelah memperoleh ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 1995, Chin, 40, melanjutkan pengajian di Universiti Cambridge 1996-98 untuk mendapatkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan sebelum berhijrah ke Australia tahun lepas untuk mengikuti pengajian Sarjana Undang-Undang (Juris Doctor) di Universiti Monash University, di sini.

Pelajar seperti Chin yang mengembara ke serata dunia menambah dan menyiapkan pengajian bukan sahaja meraih pengalaman hidup yang berguna menerusi pendedahan kepada pelbagai budaya dan persekitaran, mereka juga akan menjadi buruan kepada bakal majikan.

Sejak keluar daripada UUM, Chin bekerja dalam industri telekomunikasi di Kanada, Mitsubishi Bank Malaysia dan dalam syarikat Kumpulan Lion, Amsteel Securities di London, dan syarikat perunding pengurusan Accenture dan syarikat perakaunan gergasi PricewaterhouseCoopers di Australia.

Beliau pernah menyumbang khidmat nasihat kewangan dan komersial kepada pengurusan kanan Airservices Australia, syarikat tunggal penyedia khidmat pengendali penerbangan dan memajukan strategi kewangan berdaya maju kepada syarikat itu dalam menghadapi krisis kewangan dunia.

"Bidang pengajian antarabangsa memberikan saya kekuatan kerana ia memerlukan ketahanan yang kuat ketika berpindah ke sebuah negara baru bagi membina semula asas pembelajaran," kata Chin dalam satu pertemuan dengan Bernama di sini.

Ketahanan dan kemampuan menyesuaikan diri ini sebahagian besar adalah sesuatu yang diperolehnya menerusi cara mana beliau diasuh dan dibesarkan.

Chin, anak bongsu daripada lima adik-beradik, mengakui kejayaannya itu adalah hasil daripada 'galakan, titik peluh dan kepayahan' ibunya, Tan Sow Kim, yang telah membesarkannya bersendirian selain mendidik adik beradiknya yang lain tentang kesabaran, berlaku adil dan mempunyai kekuatan diri.

Chin mula mendapat pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur, pada tahun 1984 dan cepat menerapkan falsafah sekolah itu untuk melahirkan pelajar lengkap di serba bidang pelajaran, kesukanan dan memiliki keperibadian.

Melalui kejayaannya dalam aktiviti seni mempertahankan diri dan sukan, beliau dapat menunjukkan kepimpinannya dalam kumpulan pengakap sekolah, Persatuan Kristian, kelab memanah dan mempengerusikan beberapa pertubuhan.

Ketika di UUM, Chin keluar sebagai siswazah terbaik memenangi Anugerah Pencapaian Muda Negara 1992, Anugerah Perisai Emas Lion bagi Mahasiswa Terbaik Negara 1994, Anugerah Siswa Akademik Terbaik Majlis Raja-Raja 1995 dan Anugerah Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri) bagi Siswazah Terbaik Negara 1996.

Beliau menyandarkan kejayaannya itu hasil daripada bantuan beberapa pemimpin akademik Malaysia termasuk Allahyarham Tun Suffian Hashim, Allahyarham Tan Sri Othman Yeop Abdullah, Tan Sri Shamsuddin Kassim dan Prof Madya Faudziah Zainal Abidin.

Semasa di Cambridge, Chin menerima Biasiswa Chevening dan pemenang kepada Anugerah Amanah Fellow of the Cambridge Commonwealth, dan di Australia beliau menerima Anugerah Perdana Menteri Australia sebagai pelajar terbaik dari Asia 2012 yang mengikuti pengajian Juris Doctor (JD) di Monash.

Chin berkata program pengajian JD di Monash itu memberi tumpuan terhadap bidang perundangan luar negeri dan antarabangsa yang disesuaikan mengikut persikitaran di Australia dan Asia.

"Taraf Sekolah Undang-Undang di Monash adalah setidak-tidaknya setanding malah lebih baik daripada apa yang terdapat di sekolah undang-undang di Amerika Syarikat atau di United Kingdom," katanya.

Di tengah-tengah kesibukannya mengikuti pengajian dan bekerja, Chin masih mempunyai masa menumpukan perhatian terhadap minatnya di bidang kebajikan sosial. Beliau menubuhkan Persatuan Undang-Undang Kristian Monash dan cawangan UrbanREACH dan CapitalREACH untuk memberi bantuan kepada golongan miskin.

Selain itu, Chin juga menyumbang khidmat kepada Pusat Nasihat Guaman Antara Budaya di Melbourne, membantu mereka yang mengalami masalah jenayah, keganasan dan perpecahan dalam keluarga, menghadapi isu hak asasi manusia, gangguan emosi, fikiran dan kesihatan.

Semasa di Monash, Chin menjadi pelajar tahun pertama yang menyertai pertandingan JD Moot yang diadakan buat pertam akali yang memerlukan beliau mengemukakan hujah undang-undang di hadapan barisan hakim di Mahkamah Daerah Victoria.

Sebagai pemenang Asia bagi Anugerah Perdana Menteri Australia 2012, Chin akan ditempatkan selama enam bulan di Unviersiti Jiao Tong di Shanghai untuk menyiapkan kajiannya mengenai undang-undang perbankan China, undang-undang antarabangsa, perdagangan luar dan undang-undang pelaburan.

"Saya akan berpeluang melihat secara lebih luas urusan perniagaan di peringkat dunia, hubungan dan rangkaian profesional selain dapat memperbaiki diri secara intelektual untuk memahami perkembangan kemajuan di peringkat serantau dan dunia," katanya. –Bernama

Powered by: MediaBanc